

22 JAN 2002

Indonesia-Pekerja/I

LANGKAH M'SIA KAJI SEMULA PENGAMBILAN PEKERJA INDON BIMBANGKAN JAWA TIMUR

Oleh: Openg Onn

JAKARTA, 22 Jan (Bernama) -- Rancangan Malaysia untuk melaksanakan dasar "pilihan terakhir" terhadap pekerja dari Indonesia berikutan rusuhan di sebuah kilang di Negeri Sembilan minggu lepas, membimbangkan pihak berkuasa Jawa Timur.

Ketua Jabatan Buruh Jawa Timur, M. Djaelani hari ini berkata langkah itu akan menjejaskan teruk wilayah terbabit yang merupakan pembekal terbesar pekerja Indonesia ke Malaysia.

Djaelani yang dipetik oleh portal berita tempatan, "detikcom" berkata Malaysia masih merupakan "negara primadona" bagi beribu-ribu pekerjanya selepas Hong Kong kerana kedudukan geografi dan budaya yang serupa.

Tahun lepas sahaja, lebih daripada 8,000 penduduk Jawa Timur memasuki Malaysia untuk mencari pekerjaan manakala lebih 9,000 lagi memasuki negara itu pada tahun sebelumnya.

Lebih daripada 13,000 rakyat Indonesia lagi mencari pekerjaan di Hong Kong tahun lepas berbanding 14,600 orang pada 2000, katanya.

Djaelani berkata beliau belum mengetahui wilayah asal pekerja yang menimbulkan masalah di Malaysia itu sehingga Kerajaan Malaysia memutuskan mengambil langkah untuk mengkaji semula pengambilan pekerja dari Indonesia.

Katanya bagi pekerja dari Jawa Timur, jabatan sudah melengkapkan mereka dengan perlakuan dan etika yang sempurna yang perlu diamalkan semasa bekerja di Malaysia bagi menjaga nama baik Inonesia.

Kira-kira 500 pekerja warga Indonesia merusuh dan menyerang anggota polis di asrama lelaki Kilang Hualon Corporation (M) Sdn Bhd, Nilai, Negeri Sembilan semasa satu operasi membanteras penyalahgunaan dadah di kilang itu, minggu lepas.

Mereka merosakkan kenderaan dan membaling kerusi, meja, botol dan batu ke arah polis.

Berikutan insiden itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran untuk menempatkan mereka sebagai pekerja paling akhir dalam senarai pengambilan pekerja asing ke Malaysia.

Malaysia kini menampung 700,000 pekerja asing, sebahagian besarnya berasal dari Indonesia, yang bekerja dalam pelbagai sektor seperti pembinaan, peladangan dan pembantu rumah.

-- BERNAMA

OPP LAT